



جامعة السلطان الشريف علي الإسلامية
UNIVERSITI ISLAM SULTAN SHARIF ALI
SULTAN SHARIF ALI ISLAMIC UNIVERSITY

Fakulti Syariah dan Undang-Undang Semester II, Sesi Akademik 2018/2019

Kertas Soalan Peperiksaan

Kod Kursus : SP 5305
Nama Kursus : Undang-Undang Jenayah Islam
Peringkat Kursus : Diploma Lepas Ijazah
Masa : 3 jam

Nota :

Jawab kesemua soalan.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Soalan Pertama (10 markah)

Dalam surah al-Maidah ayat 45 Allah berfirman yang mafhumnya:

...dan Kami telah tetapkan atas mereka di Dalam Kitab Taurat itu, Bahawa jiwa dibalas dengan jiwa, dan mata dibalas dengan mata, dan hidung dibalas dengan hidung, dan telinga dibalas dengan telinga, dan gigi dibalas dengan gigi, dan luka-luka hendaklah dibalas (seimbang). tetapi sesiapa Yang melepaskan hak membalasnya, maka menjadilah ia penebus dosa baginya; dan sesiapa Yang tidak menghukum dengan apa Yang telah diturunkan Allah, maka mereka itulah orang-orang Yang zalim.

Ayat 45 dari surah al-Maidah yang dinyatakan mafhumnya di atas adalah berkaitan dengan qisas.

- 1) Nyatakan maksud qisas dan bagi kesalahan-kesalahan apakah qisas dikenakan.

(5 markah)

- 2) Alat yang digunakan untuk membunuh memainkan peranan yang penting dalam menentukan sama ada perbuatan membunuh itu dilakukan dengan sengaja atau tidak. Bagaimanakah cara seorang hakim menentukan kesalahan bunuh dengan sengaja melalui peralatan yang digunakan terdakwa? Huraikan dengan jelas.

(5 markah)

Soalan Kedua (10 Markah)

Pengguguran janin atau aborsi adalah tindakan yang dianggap jenayah dalam UUII. Bagaimanapun dalam beberapa keadaan aborsi diperbolehkan, terangkan jenis-jenis aborsi sebagaimana yang dikategorikan oleh para ulama Islam dalam buku-buku fikah dengan menyatakan jenis yang dibenarkan dan yang diharamkan. Kemudian jelaskan hukuman bagi jenayah pengguguran janin berserta dalilnya.

Soalan Ketiga (10 markah)

- 1) Perbuatan berpindah agama dari Islam kepada agama atau kepercayaan selain Islam seperti Kristian, Hindu, Buddha dan sebagainya dianggap sebagai jenayah dalam Islam. Perkara ini mengundang kritikan dan tentangan dari pelbagai pertubuhan hak asasi manusia dari pelbagai negara. Menurut pendapat awda mengapakah Islam meletakkan perbuatan berpindah kepercayaan atau Irtidad atau murtad ini sebagai salah satu dari jenayah hudud? Jelaskan.

Jawapan hendaklah dibuat dengan berpandukan kepada perbincangan dalam kuliah: Dengan menyebutkan kategori kesalahan irtidad/riddah/murtad dan dengan menyatakan kategori yang menyebabkan hukuman had irtidad atau had riddah dikenakan.

Soalan Keempat (20 markah)

i) Rasulullah Sallallahu 'Alihi Wasallam bersabda yang maksudnya:

'Hindarilah Hudud dengan adanya syubuhah'

Huraikan maksud syubuhah dalam kaitannya dengan pembuktian had.

(5 markah)

Nyatakan sama ada pelaku bagi perkara-perkara yang disebutkan di bawah akan dikenai hukuman hadd atau tidak. Jawapan hendaklah disertai dengan alasan.

- a) Seorang lelaki menyetubuhi perempuan yang ditalaknya tujuh hari yang lalu tanpa melafazkan ucapan rujuk. (3 markah)
- b) Seseorang didapati mabuk di jalan dalam keadaan mulut yang berbau arak. (3 markah)
- c) Seorang artis muslimah yang belum berkahwin diberitakan telah melahirkan seorang anak damit perempuan yang comel. (3 markah)
- d) Seorang ahli koperasi Kampung Mulaut disabitkan bersalah mencuri sebanyak \$10,000 dari peti simpanan wang dalam kedai milik koperasi kampung tersebut. (3 markah)
- e) Seorang nenek menuduh isteri kepada cucunya telah berzina. (3 markah)

بالتوفيق والنجاح